

APA PERANAN IBUBAPA?

IBUBAPA YANG MITHALI

- Berlaku adil, menjaga kebajikan dan suka memaafkan ahli keluarga.
- Bimbingan rohani dimulai dari rumah dan semasa anak masih kecil dengan sifat terpuji dan menjalankan aktiviti yang baik.
- Mendidik hati anak dengan zikrullah, qiamullail dan munajat bagi pembentukan modal insan yang jitu di samping sentiasa mengharap hidayah Allah SWT.

DISIPLINKAN ANAK DENGAN CINTA

- Meluahkan rasa gembira dan pujian apabila anak melakukan perkara positif sebagai usaha memperkukuhkan tingkah laku positif.
- Berlemah lembut semasa membimbing anak dan elakkan kekerasan kerana mereka akan menjauhkan diri.
- Memberi peluang dan masa kepada anak dan jangan kecewa dengan tingkahlaku anak.

TERIMA ANAK TANPA SYARAT

- Wujudkan suasana akrab dan mesra supaya anak tidak merasa takut untuk meluahkan masalah kepada ibubapa.
- Minta anak memberi penjelasan tentang masalah yang berlaku dan mendengar dengan penuh minat.
- Bimbing anak beri pendapat cara

mengatasi masalah dan cadangan yang mereka mampu laksanakan.

- Minta anak berjanji dan bertaubat tidak mengulangnya jika telah mengakui kesilapannya.

MEMENUHI MASA LAPANG BERSAMA ANAK

- Memanfaatkan kualiti masa bersama dengan solat berjemaah, membaca al-Qur'an, makan bersama, bersukan dan sebagainya.
- Hubungan akrab antara ibubapa dan anak akan membina perasaan hormat dan ketaatan dalam keluarga.

PEKA TERHADAP PERGERAKAN ANAK

- Mengenali rakan sebaya anak dan aktiviti-nya, fesyen dan keadaan fizikalnya.
- Peka dengan tingkah laku non-verbalnya seperti keceriaan, kesedihan, pendiam dan lain-lain.
- Sentiasa menilai kemampuan anak dalam membezakan yang baik, buruk dan keupayaan berdikari.

JANGAN SALAH GUNA KUASA

- Ibubapa elak guna kuasa veto untuk mencari kemenangan dalam pertengkaran dengan anak kerana ia menyebabkan anak mengangap dirinya tidak berguna.
- Hendaklah berbincang dan memberi alasan munasabah secara baik.
- Bersabar dalam mendidik anak kerana mereka tidak memahami sepenuhnya kehendak ibubapa.

TERBITAN
2010



HARGAI NIKMAT
REMAJA



Disediakan oleh :

Unit Hal Ehwal Islam
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
Tel : 03-3375 7000 samb. 1504/1507

SILA LETAKKAN RISALAH INI
DI TEMPAT YANG SEWAJARNYA

NIKMAT REMAJA

► Menyedari Nilai Diri

■ Setiap manusia adalah khalifah dan dipertanggungjawab atas amalan di dunia.

■ Tugas manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mengikut sunnah RasulNya kerana ia menjamin kesejahteraan dunia akhirat.

■ Remaja digalakkan melakukan aktiviti yang bermanfaat dalam lingkungan batasan agama.

► Peluang Melakukan Segala Kebaikan

■ Remaja perlu menghayati keistimewaan yang dianugerah dari Allah SWT kerana :

• Mempunyai banyak masa terluang untuk dimanfaatkan dan tidak dibebani dengan tanggungjawab yang besar.

• Memiliki tenaga yang kuat dan jarang sakit untuk beribadah dan beramal.



• Mempunyai kecerdasan akal fikiran dan daya ingatan yang kuat dalam mencurahkan idea dan tenaga ke arah membina masa depan yang cerah.

• Mudah mendapat pertolongan ibubapa dan orang lain.

► Nilai Remaja di Sisi Keluarga

■ Remaja merupakan harapan ibubapa di masa depan kerana :

• Mereka akan menjaga dan membela ibubapa yang uzur dan tua.

• Mempunyai kerjaya dan sumber kewangan untuk membantu keluarga.

• Remaja bertanggungjawab menjaga nama baik dan maruah keluarga dengan menghindari perlakuan yang menyalahi syara'.

► Harapan Agama

■ Remaja hendaklah sentiasa mengeratkan hubungan dengan Allah SWT dalam menjalani kehidupan.

■ Remaja merupakan agen pembangunan ummah dan tonggak dakwah Islamiah.

► Nilai Remaja di Sisi Masyarakat & Negara

■ Remaja yang cemerlang akan melahirkan masyarakat yang bertamadun, berwibawa dan berdisiplin.

■ Remaja yang terdidik dengan didikan sempurna akan menjadi pemimpin yang cemerlang, berilmu, berketrampilan dan mempunyai ketokohan mithali.

KENAPA REMAJA NAKAL?

■ Faktor keluarga

• Kurang mengamalkan cara hidup Islam dalam rumahtangga.

• Status ekonomi (sebahagian keluarga) yang rendah dan dhaif hingga anak membesar dalam keadaan terbiar.

• Sebahagian ibubapa mementingkan kerjaya atau pekerjaan daripada kebajikan dan masa bersama keluarga.

• Kehidupan ibubapa yang bergelumang dengan maksiat.

• Rumahtangga tidak kukuh dan bercerai berai.

■ Faktor Peribadi Yang Kotor

• Memiliki sifat mazmumah yang dikuasai naluri agresif dan tidak rasional.

• Bermula sejak kecil dan diperkukuh apabila anak meningkat remaja hingga menyebabkan peribadi fitrah remaja terencat.

■ Faktor Sekolah

• Persekitaran yang kurang sihat dan terpengaruh dengan budaya rakan sekolah yang rosak akhlak.

• Ibubapa tidak prihatin kemajuan dan pencapaian anak di sekolah.

■ Faktor Persekitaran

• Remaja terdedah dengan hiburan, muzik yang melalaikan, pergaulan bebas, zina, pengguguran anak, penyiaran bahan lucah, selain wujud pusat-pusat hiburan berunsur seks dan pelbagai aktiviti simbol seks seperti pertandingan ratu cantik dan fesyen yang menjolok mata.